

'Siapa saja tarik kerajaan tumbang'

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
utusannews@mediamulia.com.my

BERA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengakui kerajaan Pusat akan tumbang jika mana-mana parti politik dalam gabungan tersebut menarik sokongan mereka terhadap kerajaan sedia ada.

Perdana Menteri berkata, beliau ada membaca kenyataan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menegaskan sokongan parti itu dan Pas terhadap kerajaan adalah bersyarat.

"Kita tunggu apa yang sebenarnya... memang betul kalau mereka (Perikatan Nasional) menarik sokongan, kerajaan tumbang itu faktanya secara jelas.

"Sesiapa tarik sokongan akan tumbang tak kira siapa.. kalau Gabungan Parti Sarawak (GPS) tarik atau dalam kalangan UMNO sendiri, kerana kerajaan memiliki kelebihan empat kerusi, lebih lima enam kerusi tarik sokongan, kerajaan akan tumbang tak kira siapa," katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Wang Bantuan



ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir menerusi Bantuan Wang Ihsan (BWI) di Dewan Majlis Daerah Bera, Pahang, semalam. - MINGGUAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

Pembelian Barangan Keperluan Monsun Timur Laut 2021/2022 Daerah Bera di Dewan Konven-

syen Majlis Daerah Bera, di sini semalam.

Kelmarin, Muhyiddin di-

laporkan sebagai berkata, Pas dan Bersatu menegaskan sokongan kedua-dua parti itu terha-

dap kerajaan adalah bersyarat.

Presiden Bersatu itu berkata, sokongan mereka ketika ini perlu dihormati dan dirunding berlandaskan nilai integriti, anti rasuah serta berkebijakan.

Kedua-dua parti itu mempertegaskan pendirian mereka ekoran rasa kurang senang terhadap tindakan UMNO bertindak membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor bagi membuka jalan kepada pilihan raya negeri (PRN) diadakan.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri menjelaskan beliau percaya, kestabilan politik di peringkat nasional menjadi keutamaan.

"Banyak perkara-perkara kita sedang rancang untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Saya percaya kalau timbul perkara-perkara seperti ini, politik kita kembali bergolak, ekonomi merudum, terjejas akibat tindakan ini," tambahnya.

Dalam pada itu, beliau percaya kemungkinan perbincangan akan dilakukan melibatkan antara parti-parti terlibat.

"Tapi perkara ini masih terlalu awal dan yang paling penting keselamatan, kesejahteraan, keharmonian rakyat perlu diberikan keutamaan," jelasnya.